

# Cabaran lebih genting tunggu Sharifah

UM 18/12/06

Oleh THOMAS CHONG KA YUNG

## KUALA LUMPUR 17

Dis. - Selepas berjaya merentangi Kutub Selatan dua tahun lepas, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir kini dalam persediaan akhir untuk menakluk Kutub Utara yang dipercayai lebih ekstrem dan berbahaya berbanding di Kutub Selatan.

Menurut Sharifah, antara cabaran utama yang bakal ditempuhi beliau adalah rekahan ais nipis dan juga beruang polar yang mungkin mengancam nyawanya ketika melakukan ekspedisi di Kutub Utara.

"Walaupun cuaca di Kutub Utara dijangka lebih nyaman sedikit berbanding cuaca ekstrem di Kutub Selatan, namun cabaran utama saya adalah bagaimana merentangi rekahan ais nipis yang amat berbahaya.

"Saya perlu lebih berhati-hati, rekahan ais nipis di Kutub Utara mudah pecah, nyawa saya mung-



SHARIFAH MAZLINA SYED ABDUL KADIR

kin terancam jika terjatuh ke dalam laut," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas merasmikan sambutan Hari Fisioterapi di Hospital Pantai di sini, hari ini.

Sharifah akan berlepas ke Finsse, Norway pada tengah malam ini untuk menjalani latihan fasa

Saya perlu lebih berhati-hati, rekahan ais nipis di Kutub Utara mudah pecah, nyawa saya mungkin terancam jika terjatuh ke dalam laut

SHARIFAH MAZLINA SYED ABDUL KADIR

kelima di situ sebelum bertolak ke Swalbard untuk latihan fasa terakhir dua bulan lagi.

Beliau dijadualkan akan memulakan ekspedisinya ke Kutub Utara pada 8 April tahun depan dan kejayaannya nanti akan menempatkan beliau sebagai wanita Asia pertama yang berjaya menjelajah kedua-dua Kutub Utara dan Kutub Selatan.

Katanya, berlainan dengan Kutub Selatan, ekspedisi di Kutub Utara memerlukan penyediaan alat dalam dan beregang laut dalam dan beregang di air sejuk.

"Untuk tujuan ini, saya telah menempah peralatan dan pakaian kalis air yang mampu membantu pengapungan saya," katanya.

Menurut Sharifah, senjata khas juga akan dibawa untuk menghadapi kemungkinan serangan binatang buas khususnya beruang polar.

Tambahnya, ekspedisi beliau kali ini akan dilengkapi teknologi komunikasi terkini untuk membolehkan rakyat seluruh negara berkongsi debaran dan cabaran yang dihadapinya.

Dalam sidang akhbar yang sama, Sharifah turut mengumumkan kesediaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menyambut kejayaannya di garisan penamat ekspedisi.

"Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pula dijangka akan mengiringi saya ke garisan pelepasan," ujarnya.